


**JEJAK INTELEKTUAL DAN PEMIKIRAN AKIDAH
MUHAMMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY**

Mohd Ammyrul Ashraf Sairan, Shukri Ahmad

*(Universiti Utara Malaysia)*doi: <https://doi.org/10.33329/joell.6S1.28>**ABSTRACT**

Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan nama besar dalam tokoh pemikiran Islam Malaysia. Beliau terkenal dengan gelaran intelektual Islam kontemporari. Penulisan ini berkaitan pemikiran akidah beliau yang melibatkan wacana arus perdana iaitu aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dengan mengupas perbincangan berkaitan bingkai pemikiran arus perdana, *ad-din* dan *Ruhaniyah* Ahli Sunnah Wal-Jamaah telah dianggap memadai bagi mewakili pemikiran akidah beliau. Hasil kajian mendapati beliau adalah pejuang tegar aliran arus perdana dalam kalangan ilmuan Nusantara. Beliau merungkai penyelesaian dengan cara yang bijaksana menerusi ajaran al-Quran, al-Sunnah, Ijma dan Qiyas. Pencerahan sahih dan jelas dapat menghindarkan seseorang Muslim dari terpengaruh dengan pemikiran agama dan falsafah moden. Hasilnya, keperibadian dan keintelektualan dalam pemikiran akidah yang di tonjolkan beliau adalah bersifat tradisional dan menolak akan konsep akhlak dan akidah Pasca-Modernisme.

Kata kunci: *pemikiran, Muhammad Uthman El-Muhammady, akidah, ahli Sunnah wal-Jamaah*